

**KAJIAN KE ATAS IMPAK PINJAMAN TABUNGAN MODAL PUSINGAN (TMP)
KE ATAS KOPERASI**

AHMAD FAIZAL SHAARANI

PROF. DR. ROSMIMAH MOHD RUSLIN (UiTM)

ASHAARI ARSHAD

HASRIN ABU HASSAN

SHARINA ABDULLAH

Tabung Modal Pusingan (TMP) merupakan satu kemudahan kewangan yang disediakan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang berfungsi sebagai dana bantuan atau suntikan modal bagi koperasi di Malaysia untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Melalui dana TMP JPK, koperasi berskala kecil dan sederhana mempunyai alternatif bagi mendapatkan pembiayaan dengan syarat dan kriteria yang lebih mudah berbanding pembiayaan kewangan daripada institusi kewangan.

Sehubungan itu kajian ini dijalankan bagi membentuk profil koperasi peminjam TMP serta menganalisis elemen impak kepada keupayaan koperasi yang mendapat bantuan tersebut. Elemen impak ini diukur melalui pemboleh ubah tidak bersandar kewangan dan sosial. Pemboleh ubah kewangan meliputi pendapatan, aset dan dan anggota. Manakala aspek sosial mengukur elemen manfaat kepada anggota, peluang pekerjaan yang diberi dan pelaburan koperasi. Pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji pula terdiri daripada tiga (3) pemboleh ubah iaitu jumlah pinjaman, strategi perniagaan dan jenis projek. Kutipan data dijalankan melalui instrumen kajian berbentuk borang soal selidik berstruktur yang diedarkan kepada Anggota Lembaga Koperasi(ALK) atau pengurus yang menguruskan pembiayaan TMP.

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat impak yang positif kepada koperasi dari segi kewangan mahupun keupayaan kepada koperasi. Namun analisis pencapaian kewangan menunjukkan impak yang tidak begitu menyerlah. Bahkan pembiayaan TMP bagi pembangunan awal hartanah tidak menunjukkan sebarang perbezaan pada tahun permohonan dengan tahun dinilai. Berbanding impak kewangan, keupayaan koperasi menunjukkan kesan yang lebih ketara berbanding sosial. Ini berdasarkan peningkatan kepada jumlah anggota, modal syer, aset, peruntukan tabung kebajikan dan pemberian dividen pada tahun memohon dengan tahun dinilai.

Kajian ini melibatkan semua koperasi yang pernah menerima pembiayaan TMP yang dibahagikan mengikut zon iaitu utara, tengah, timur dan Malaysia Timur yang dipilih secara rawak berstrata. Walau bagaimanapun kajian ini mengecualikan koperasi fungsi kredit dan koperasi sekolah. Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh agensi yang terlibat dengan pembiayaan TMP dalam mengkaji proses pembiayaan sedia ada seterusnya menambah baik polisi dan prosedur proses bagi mencapai matlamat penubuhan tabung ini seterusnya koperasi dalam meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

TERMA UTAMA: Tabung Modal Pusingan, pembiayaan, impak, keupayaan